








# Derma Organ: Antara Mitos dan Realiti



Mitos?  
Realiti?



**Mitos:** Saya menghidap penyakit diabetes dan tekanan darah tinggi. Saya tidak boleh berikrar menjadi penderma organ dan tisu badan.

**Realiti:** Doktor akan memeriksa organ dan tisu badan anda sama ada ia sesuai untuk didermakan atau tidak.



**Mitos:** Saya tidak boleh mengadakan pengebumian 'open casket' jika saya mendermakan semua organ dan tisu badan.

**Realiti:** Pengebumian 'open casket' adalah tidak mustahil dilakukan. Jenazah akan kelihatan seperti masih hidup kerana tiada kecacatan berlaku.



**Mitos:** Keluarga akan dicaj kerana mendermakan organ dan tisu badan orang tersayang.

**Realiti:** Keluarga penderma tidak akan dicaj untuk pendermaan organ dan tisu badan. Kos pendermaan termasuk dalam kos transplantasi penerima. Keluarga penderma hanya perlu menampung kos pengebumian jenazah penderma.



**Mitos:** Doktor tidak akan berusaha menyelamatkan nyawa saya sekiranya saya bersetuju untuk mendermakan organ dan tisu badan.

**Realiti:** Apabila anda mendapatkan rawatan di hospital, doktor akan fokus untuk menyelamatkan nyawa anda. Doktor yang merawat tidak terlibat dengan transplantasi.



**Mitos:** Saya terlalu tua untuk mendermakan organ dan tisu badan saya.

**Realiti:** Tiada had umur untuk pendermaan organ dan tisu badan. Penderma organ paling tua adalah berumur 82 tahun.



**Mitos:** Pendermaan organ dan tisu badan bertentangan dengan ajaran agama saya.

**Realiti:** Pendermaan organ dan tisu badan diterima oleh semua agama di Malaysia sebagai amalan yang mulia.